



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (11 DISEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **satu (1) kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,074 kes.**

A. Kes Baharu COVID-19. (1 kes)

I. Daerah Bintulu (1 kes baharu)(Kes Import-A)

a) Kes Saringan Individu Sebelum Sign On

Kes 1,074 merupakan seorang lelaki warganegara Filipina yang telah masuk ke Malaysia untuk bekerja di sebuah kapal minyak dan gas di Bintulu. Kes telah masuk ke Malaysia dari Manila, Filipina ke Kuala Lumpur, Malaysia pada 13 November 2020 dan telah dimasukkan ke pusat kuarantin di Petaling Jaya bagi menjalani kuarantin wajib selama 14 hari bagi individu yang datang dari luar negara.

Dalam tempoh kuarantin tersebut, kes telah menjalani saringan ujian rT-PCR pada 13 November 2020 dan didapati negatif COVID-19. Kes juga telah menjalani ujian RTK Antibody pada 26 November 2020 yang juga didapati tidak reaktif untuk COVID-19.

Pada 30 November 2020, kes telah meneruskan perjalanan ke Sarawak melalui penerbangan dari Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Miri, Sarawak. Setibanya di Miri, kes telah dimasukkan ke pusat kuarantin dan menjalani saringan ujian rT-PCR di sebuah hospital swasta. Keputusan tersebut juga didapati negatif. Kes kemudian dilepaskan dari arahan kuarantin dan dibenarkan meneruskan perjalanan ke Bintulu pada 5 Disember 2020.

Semasa tiba di Bintulu, kes telah menginap di sebuah hotel sementara menunggu untuk *sign on* ke kapal. Pada 9 Disember 2020, kes sekali lagi menjalani ujian saringan COVID-19 di sebuah hospital swasta bagi tujuan *sign on* ke atas kapal dan ujian rT-PCR kes telah didapati positif COVID-19 pada 10 Disember 2020. Kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19.

Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut. Kes ini masih dalam siasatan dan aktiviti pengesanan semua kontak kepada kes ini sedang giat dilakukan. Berdasarkan sejarah perjalanan dan hasil siasatan awal, kes ini dipercayai telah mendapat jangkitan semasa berada di negara asal iaitu di Filipina. Kes dikategorikan sebagai kes Import A.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, **tiada kluster baharu dilaporkan.** Terdapat empat (4) kluster yang masih aktif di Sarawak seperti berikut:

- i) **Kluster Besi, Kuching** : kes positif kekal 12 orang termasuk kes indeks.
- ii) **Kluster Jalan Abell, Kuching** : kes positif kekal 15 orang termasuk kes indeks.
- iii) **Kluster Greenhill, Kuching** : kes positif kekal 91 orang termasuk kes indeks.
- iv) **Kluster Wisma Saberka, Kuching** : kes positif kekal 44 orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital

Terdapat dua (2) kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari Hospital Miri pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj meningkat kepada **1,043** orang atau **97.11%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah kekal seramai **12** orang iaitu:

- Sepuluh (10) kes di Hospital Umum Sarawak;
- Satu (1) kes di Hospital Miri; dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Hari ini, **terdapat 16 PUI** baru telah dilaporkan dan **dua (2) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Daerah Serian dan Kuching kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan **tiga (3)** kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Serian (2) dan Kuching (1). Manakala 38 buah daerah lain kekal berstatus Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak **tiga (3) notis kompaun** iaitu di Kuching (2) dan Kota Samarahan (1).

Manakala Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **96 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (31), MPP (26), MD Marudi (17), DBKU (9), MBKS (5), BDA (5), MB Miri (2) dan MD Serian (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini, sebanyak **1,291 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (154), Restoran (273), Kilang (11), Bank (111), Pejabat Kerajaan (42), Penjaja (31), Pasar Tani/Awam (55), Tempat Ibadah (55), Tempat Riadah (37), Tapak Pembinaan (23) dan lain-lain (499).

Seramai **583 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (279), ATM (33), RELA (128), APM (85), PBT (51), KKM (3) dan lain-lain agensi (4).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,460** jumlah kenderaan telah diperiksa.

5. LAPORAN PENGUSIRAN DAN TANGKAPAN OPS BENTENG

Pihak PGA telah mengusir tiga (3) orang warganegara Indonesia yang cuba masuk ke Sarawak melalui jalan tikus di Biawak, Lundu.

Manakala seramai tiga (3) orang telah ditangkap di Daerah Tebedu iaitu seorang (1) warganegara tempatan dan dua (2) orang warganegara Indonesia kerana terlibat dalam sindiket pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Dalam tangkapan tersebut, sebuah motokar telah dirampas yang bernilai RM 80,000 dan telah diserahkan kepada Balai Polis Tebedu untuk tindakan lanjut.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak, Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

11 DISEMBER 2020

5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Previous Cases	1073	Total Cases still in ward	12	1.12%
New Cases	1	Cases in <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Total Samples by Individu	192,233	Intubated Cases	0	0.00%
Cumm. Positive Cases	1074	Total Death Cases	19	1.77%
IR per 100,000 population	34.81	Recovered and discharged cases	1,043	97.11%
Lab. Results (PUI)	New	Cummulative	New	Cummulative
Negative	14	9,858	16	10,934
Pending Result	2	2		
		<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>		

Current Status	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	TOTAL
Patients still in ward	10	0	1	1	0	12
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Intubated cases	0	0	0	0	0	0
Total Death Cases	17	0	0	2	0	19
Recovered and discharged cases	New	0	0	2	0	2
	Cummulative	871	43	49	78	1043
Total re-admission cases (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (2)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	15	7,390	0	717	0	697	0	12	8	6	1
2	Serian	0	332	0	27	0	25	0	0	2	2	2
Jumlah		15	7722	0	744	0	722	0	12	10	8	3

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (38)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Miri	0	912	0	58	0	57	0	1	0	0	0
2	Lawas	0	29	0	11	0	10	0	0	1	1	0
3	Lundu	0	262	0	7	0	7	0	0	0	0	0
4	Limbang	0	35	0	13	2	12	0	1	0	2	0
5	Samarahan	0	604	0	116	0	112	0	4	0	0	0
6	Bintulu	1	327	1	50	0	49	0	0	1	1	0
7	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Sibu	0	124	0	19	0	19	0	0	0	0	0
9	Bau	0	186	0	7	0	7	0	0	0	0	0
10	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
11	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
12	Tebedu	0	8	0	3	0	3	0	0	0	0	0
13	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
14	Sri Aman	0	56	0	4	0	3	0	1	0	0	0
15	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
16	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
17	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
19	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
31	Kapit	0	37	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	3,212	1	330	2	321	0	7	2	4	0

Jumlah Besar	16	10,934	1	1,074	2	1,043	0	19	12	12	3
---------------------	-----------	---------------	----------	--------------	----------	--------------	----------	-----------	-----------	-----------	----------

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **351 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **41 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **4,461 orang**. Manakala seramai **37,826 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 11.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (2,546)	Hock Lee	143
2		Grand Dormani	56
3		Kuching Park	93
4		Pullman	434
5		Hilton	243
6		Harbour View	236
7		Riverside (Astana Wing)	232
8		Grand Margherita	270
9		Imperial Boulevard	231
10		Tune Hotel	74
11		Dormani Hotel	34
12		Grand Continental	201
13		Meritin	54
14		Longhouse	81
15		Abell	57
16		Lot 10	61
17		Telang Usan	46
18	Miri (1,173)	Mega Hotel	155
19		Somerset	42
20		Imperial Palace	262
21		Eastwood Valley	81
22		Imperial New Wing	63
23		Paragon	66
24		Meritz	196
25		Miri	47
26		Dynasty	123
27		Kenyalang Suite	19
28		Citi Hotel	49
29	Nova	70	
30	Bintulu (278)	Wasan Inn	37
31		Fairfield by Marriot	109
32		Kidurong Inn	42
33		Motel Kapok	60
34		Faber Inn	26
35		AA Inn	4
36	Limbang (187)	Purnama	61
37		Seri Malaysia (Lawas)	104
38		Mandarin (Lawas)	22
39	Sibu (154)	Premier	154
40	Samarahan (123)	INFRA	58
41		Kolej Rafflesia, UNIMAS	65
Jumlah PUS			4,461

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **3 lokasi di Kuching (1), Sibü (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,065 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 11.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	696
2	Miri	1	415
3	Sibü	1	195
4	Samarahan	TIADA	134
5	Bintulu	TIADA	121
6	Sarikei	TIADA	118
7	Limbang	TIADA	97
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
Jumlah Keseluruhan			2,065

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **34 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 11.12.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	1
2	MP Padawan	1
3	MD Serian	3
4	MP Sibul	9
5	MCC	15
6	MD Marudi	5
Jumlah		34